

<p align="justify">◆Kosmo - 8 September 2006</p><p align="justify">Kuala Lumpur - Masalah kesihatan yang kerap menimpa Siti Hajar Ahmad Tarmizi 19, menyebabkan dia hilang punca pendapatan.◆ Ia sekali gus menyebabkannya gagal melangsaikan baki hutang set pembelajaran bahasa Inggeris Linguaphone yang dibelinya April lalu. Oleh kerana mahu mendapatkan semula wang RM 619 bagi set Linguaphone itu, Siti Hajar menfailkan kesnya untuk perbicaraan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)</p><p align="justify">Dalam hujahnya di hadapan Presiden TTPM, Yang Zaimy Yang Ghazali, Siti Hajar memberitahu, dia sedang berusaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dan ia mendorongnya membeli set pembelajaran melalui syarikat Linguaphone berharga RM 2,098.◆ Untuk itu, dia perlu membayar ansuran RM 150 ebulan sehingga bulan ke 18, jumlah bayaran Siti Hajar sudah mencecah RM 19.</p><p align="justify">Namun, malang tidak berbau kerana secara tiba-tiba dia jatuh sakit sampai terpaksa berhenti kerja.◆ Siti Hajar tidak mampu berbuat apa-apa dan terpaksa korbankan banyak perkara termasuk memulangkan kembali set peralatan pembelajaran itu serta merta sambil menuntut◆ wang yang telah dibayarnya (RM619) dipulangkan atas alasan dia belum menggunakan set itu lagi.</p><p align="justify">Dalam penghakimannya, Yang Zaimy mengarahkan Linguaphone membayar tuntutan penuh Siti Hajar berjumlah RM619 dalam masa 14 Hari dari tarikh award dikeluarkan.</p>